



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBr.
Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 17 Februari 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JKM perlu peruntukan khas bangunan sistem data – Nancy https://tvstv.my/2023/02/16/jkm-perlu-peruntukan-khas-bangunan-sistem-data-nancy/	TVSTV	Neutral
2	Women’s ministry to set up tribunal for Anti-Sexual Harassment Act: Nancy https://www.thevibes.com/articles/news/85398/womens-ministry-to-set-up-tribunal-for-anti-sexual-harassment-act-nancy https://www.bernama.com/v2/en/region/news.php?id=2164914 https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/kpwkm-merangka-akta-antigangguan-seksual/	The Vibes Bernama Utusan	Neutral

	<p>https://www.youtube.com/watch?v=3tmOe5noG9Q</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=7wDuEDLbmXw</p>	<p>Bernamea TV</p> <p>Berita Al-Hijrah</p>	
3	<p>Taska OKU terima pelbagai bantuan kewangan – Nancy</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57487-taska-oku-terima-pelbagai-bantuan-kewangan-nancy</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936711/hanya-11-taska-kanak-kanak-oku-beroperasi</p>	<p>Berita RTM</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
4	<p>Wujud taska OKU di setiap Parlimen – Ahli Parlimen Pembangkang</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/02/16/wujud-taska-oku-di-setiap-parlimen-ahli-parlimen-pembangkang/</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/02/16/teruskan-usaha-pemeriksaan-golongan-oku/</p>	<p>MG</p> <p>Harakah Daily</p>	Neutral
5	<p>Pelajar sekolah, OKU nikmati perjalanan percuma KTMB menerusi pas MyRailLife</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-sekolah-oku-nikmati-perjalanan-percuma-ktmb-menerusi-pas-myraillife-406799</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/16/perkhidmatan-kereta-api-percuma-bagi-oku-pelajar/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/02/16/myraillife-perkhidmatan-tren-percuma-untuk-pelajar-sekolah-oku/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/245488/berita-nasional/pelajar-sekolah-oku-nikmati-perjalanan-percuma-ktmb</p>	<p>Astro Awani</p> <p>FMT</p> <p>MG</p> <p>Sinar Harian</p>	Positif

	<p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/16/myraillife-pas-perjalanan-percuma-kepada-murid-sekolah-golongan-oku/</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/02/16/pelajar-oku-tak-perlu-bayar-tambang-kereta-api/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1065053/perkhidmatan-tren-percuma-pelajar-oku-dilancarkan</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/655325</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=PBHRM6AFwwI</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57492-pelajar-sekolah-oku-nikmati-perjalanan-percuma-ktmb-menerusi-pas-myraillife</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/pelajar-oku-boleh-nikmati-perkhidmatan-tren-percuma/</p> <p>https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2023/02/16/ktm-tawar-perjalanan-percuma-buat-pelajar-sekolah-oku-ini-cara-untuk-mohon-pas-myraillife/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/02/17/pas-percuma-bagi-pelajar-sekolah-oku-anthony-loke/</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/02/pelajar-sekolah-oku-tidak-perlu-lagi-bayar-tambang-komuter/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Berita RTM</p> <p>Buletin TV3</p> <p>The Rakyat Post</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Edisi 9</p>	
6	<p>Waris kanak-kanak ini dicari</p> <p>https://www.dailyexpress.com.my/news/207704/waris-kanak-kanak-ini-dicari/</p>	<p>Daily Express</p>	Neutral
7	<p>Kanak-kanak 2 tahun ditemukan bertenaga walaupun 23 jam hilang di hutan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936693/kanak-kanak-2-tahun-ditemukan-bertenaga-walaupun-23-jam-hilang-di-hutan</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral

	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/02/budak-2-tahun-hilang-ditemukan-selamat-kurang-24-jam/ https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/16/kanak-kanak-2-tahun-hilang-di-kawasan-kuari-ditemui-selamat	<p>Utusan</p> <p>Utusan Borneo</p>	
8	<p>Sengsara lima keluarga dapat perhatian</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/245610/edisi/sengsara-lima-keluarga-dapat-perhatian</p>	Sinar Harian	Neutral
9	<p>Ibu berkorban derma hati demi anak</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/245609/edisi/pahang/ibu-berkorban-derma-hati-demi-anak</p>	Sinar Harian	Neutral
10	<p>Love Scam: Penuntut wanita putih mata hilang RM50,000</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936846/love-scam-penuntut-wanita-putih-mata-hilang-rm50000</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1065314/pelajar-universiti-tertawan-dengan-love-scam</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
11	<p>Negeri Sembilan sedia beri komitmen terhadap dasar warga emas</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57495-negeri-sembilan-sedia-beri-komitmen-terhadap-dasar-warga-emas</p>	Berita RTM	Neutral
12	<p>Misteri kehilangan lelaki OKU</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/misteri-kehilangan-lelaki-oku/</p>	Utusan	Neutral
13	<p>Johor kaji kaedah terbaik realisasi hasrat bandar sifar gelandangan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/02/1065049/johor-kaji-kaedah-terbaik-realisasi-hasrat-bandar-sifar-gelandangan</p>	Berita Harian	Neutral

JKM PERLU PERUNTUKAN KHAS BANGUNKAN SISTEM DATA – NANCY

<https://tvstv.my/2023/02/16/jkm-perlu-peruntukan-khas-bangunan-sistem-data-nancy/>

Sumber : TVSTV



KUALA LUMPUR, 15 Feb: Sistem penyimpanan data bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) perlu dinaik taraf kepada sistem berpusat untuk meningkatkan lagi kualiti penyampaian terutamanya bagi Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM).

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, beliau berharap agar belanjawan yang bakal dibentangkan Jumaat depan dapat memberikan peruntukan untuk melaksanakan perancangan itu.

Jelasnya penambahbaikan itu perlu memandangkan JKJ ketika ini masih tidak mampu untuk mengeluarkan jumlah data berkenaan pelbagai kes di seluruh negara.

“Situasi ini menyukarkan pihak kita untuk mendapat data yang tepat.

“Sebagai contoh, jika saya mahu mendapat jumlah kes deria melibatkan kanak-kanak di seluruh negara, saya perlu bertanya kepada seorang pegawai dan pegawai ini kemudian perlu mendapatkan maklumat berkenaan daripada pegawai lain.

“Ini menunjukkan sistem yang digunakan ketika ini tidak sesuai untuk dipraktikkan bagi jangka masa panjang,” katanya kepada TVS hari ini.

Sementara itu, Nancy memaklumkan, KPWKM akan memperkenalkan sistem kod imbas QR yang mengandungi penjelasan mengenai keperluan Orang Kelainan Upaya (OKU) tidak lama lagi.

“Ini sangat praktikal untuk ibu bapa, penjaga dan orang ramai untuk mempelajari ilmu yang diperlukan bagi menjaga ahli keluarga mereka yang berstatus OKU,” katanya. -TVS

WOMEN’S MINISTRY TO SET UP TRIBUNAL FOR ANTI-SEXUAL HARASSMENT ACT: NANCY

<https://www.thevibes.com/articles/news/85398/womens-ministry-to-set-up-tribunal-for-anti-sexual-harassment-act-nancy>

Sumber : The Vibes



KUALA LUMPUR – The Women, Family and Community Development Ministry will draft regulations and establish a tribunal related to the Anti-Sexual Harassment Act 2021 (Act 840) this year, said its minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said the law, which received royal assent on October 8 and gazetted on October 18 last year, is one of the ministry’s main focuses to curb any form of sexual harassment in the community.

“We also want the publicity and advocacy programmes to commence as soon as possible. I am confident that the ministry and the media can work together closely to realise this effort so that all levels of society become aware of the existence of this act and its benefits,” she said when speaking at the Women, Family and Community Development Ministry get-together with media 2023 programme, here tonight.

Commenting on the role of the media, Nancy said that the media can assist in disseminating government initiatives and as an agent of change to convey authentic information, especially to the ministry’s target groups.

“With the development of technology which allows information to spread fast, and the increase in the use of social media sites such as Facebook, Instagram, TikTok and so on, the challenge of managing the public’s perception of the government, especially the Women, Family and Community Development Ministry, requires us all to act faster and responsively.

“However, at the same time, the aspect of integrity and authenticity of information should not be neglected, especially for technical issues involving various laws and regulations,” she said.

Among those who attended the programme were her deputy Aiman Athirah Sabu, the ministry’s secretary-general Datuk Maziah Che Yusoff, and the Malaysian National News Agency (Bernama) chief executive officer, Roslan Ariffin. – Bernama, February 16, 2023

TASKA OKU TERIMA PELBAGAI BANTUAN KEWANGAN - NANCY

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57487-taska-oku-terima-pelbagai-bantuan-kewangan-nancy>

Sumber : Berita RTM

KUALA LUMPUR, 16 Februari - Pelbagai bantuan kewangan telah disediakan kepada pengusaha Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) Orang Kurang Upaya (OKU).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata ini termasuk bantuan kewangan penubuhan dan bantuan kewangan operasi.

Katanya, ibu bapa yang menghantar anak-anak ke taska OKU juga akan menerima subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak sehingga RM180 sebulan.



(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri)

"Bagi bantuan kewangan penubuhan, ia akan diberikan secara sekaligus. Bantuan ini merangkumi, pembelian perabot dan peralatan, kos pengubahsuaian struktur dan reka bentuk premis yang mesra OKU dan pembelian perkakas atau peralatan bagi kegunaan menjalankan aktiviti kepada kanak-kanak OKU," katanya dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat.

Setakat Januari lalu, sebanyak 11 buah taska OKU beroperasi melibatkan 264 orang kanak-kanak OKU.

WUJUD TASKA OKU DI SETIAP PARLIMEN – AHLI PARLIMEN PEMBANGKANG

<https://malaysiagazette.com/2023/02/16/wujud-taska-oku-di-setiap-parlimen-ahli-parlimen-pembangkang/>

Sumber : Malaysia Gazette



Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri (tengah) bergambar bersama kanak-kanak kurang upaya (OKU) ketika hadir pada program '27th Annual Charity Walk-Jog-Wheel-Athon' Anjuran Persatuan Kanak-kanak Spastik Selangor dan Wilayah Persekutuan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Foto MUHD NA'IM, 08 JANUARI 2023

KUALA LUMPUR – Kerajaan didesak agar mewujudkan sebuah taska bagi kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) di setiap Parlimen di negara ini.

Ahli Parlimen Pembangkang, Mumtaz Md Nawawi berkata, 11 taska kanak-kanak kurang upaya yang ada ketika ini hanya memenuhi keperluan 4.7 peratus golongan berkenaan

“Kebanyakan daripada kecacatan dan kelemahan anak-anak ini dapat diatasi jika ada intervensi awal dan terapi yang betul daripada pihak pengasuh dan juga ibu bapa.

“Ini kerana jumlah OKU seluruh Malaysia lebih kurang 15 peratus daripada rakyat, tetapi yang berdaftar sekarang ini rendah, dimaklumkan sebentar tadi hanya dalam 5,000 orang yang berdaftar,” katanya pada sidang media di Parlimen, di sini, hari ini.

Turut hadir Ahli Parlimen Rantau Panjang, Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff dan Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermeyati Samsudin.

Mumtaz yang juga Ahli Parlimen Tumpat turut menggesa kerajaan mengkaji semula tahap pendidikan pengasuh taska OKU yang ketika ini disyaratkan hanya memiliki sijil pendidikan awal kanak-kanak.

“Pengasuh yang dipilih bekerja di taska OKU diberikan kepakaran seperti guru pakar yang ada di sekolah pendidikan khas kerana mereka dilatih.

“Tapi pengasuh cuma ada sijil pendidikan awal kanak-kanak, kita bimbang bila tiada kepakaran khas tak membantu anak-anak ini,” katanya.

Mumtaz juga menggesa kerajaan mewujudkan pelan khas bersepadu supaya tindakan dapat diambil bagi menyelesaikan masalah berkaitan kanak-kanak kurang upaya.

“Modul kanak-kanak ini juga perlu ditambah baik oleh kerajaan, kita mahu kanak-kanak bawah usia empat tahun ini dilindungi,” katanya. – MalaysiaGazette

PELAJAR SEKOLAH, OKU NIKMATI PERJALANAN PERCUMA KTMB MENERUSI PAS MYRAILLIFE

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-sekolah-oku-nikmati-perjalanan-percuma-ktmb-menerusi-pas-myraillife-406799>

Sumber : Astro Awani



MyRailLife boleh digunakan tanpa had bagi pelajar sekolah dan golongan OKU yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. - Bernama

KUALA LUMPUR: Pelajar sekolah dan warga Orang Kurang Upaya (OKU) kini boleh menikmati perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) secara percuma sepanjang masa menerusi pas perjalanan tanpa had MyRailLife yang dilancarkan hari ini.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook berkata pas perjalanan percuma MyRailLife itu khusus untuk pelajar sekolah tahun satu hingga tingkatan enam serta OKU bagi perkhidmatan KTM Shuttle Timur Sektor Gemas-Tumpat-Gemas, KTM Komuter Sektor Lembah Klang dan KTM Komuter Sektor Utara.

"Selain memanfaatkan pelajar sekolah dan OKU, pas ini dapat meringankan beban kewangan ibu bapa selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengawal kos sara hidup," katanya pada sidang media pelancaran MyRailLife di stesen KL Sentral di sini.

Menurut Loke, MyRailLife boleh digunakan tanpa had bagi pelajar sekolah dan golongan OKU yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Katanya, MyRailLife yang melibatkan kos RM4 juta setahun berkuat kuasa semalam dan mencatat 320 pendaftaran di seluruh negara pada hari pertama.

Beliau berkata jika sebelum ini, seorang OKU misalnya yang menetap di Alor Setar, Kedah dan bekerja di Butterworth, Pulau Pinang menaiki perkhidmatan komuter pergi dan balik dari stesen Alor Setar ke Butterworth, beliau perlu membelanjakan tambang perjalanan RM7.20 sehari dan RM180 sebulan untuk kos pengangkutan.

"Dengan adanya pas MyRailLife, beliau mendapat penjimatan perbelanjaan pengangkutan itu," katanya.

Beliau berkata bagi menikmati faedah MyRailLife, pengguna yang layak perlu mendaftar dengan KTMB untuk mendapatkan nombor Passenger Name Record atau PNR terlebih dahulu.

"Pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi KITS (KTMB Mobile) atau melayari laman sesawang KTM," kata Loke dan menambah bahawa pengguna juga boleh mendaftar PNR untuk mendapatkan MyRailLife di kaunter KTMB.

Permohonan pendaftaran PNR boleh dilakukan oleh penumpang atau bagi pihak penumpang dengan mengemukakan dokumen berkaitan.

Loke berkata pelajar tahun satu hingga tingkatan lima perlu mengemukakan salinan asal Mykad/Mykid/sijil lahir, sementara pelajar tingkatan enam perlu mengemukakan salinan asal Mykad/Mykid/sijil lahir berserta borang pengesahan pelajar dari sekolah pelajar berkenaan.

"OKU perlu mengemukakan salinan asal Mykad/Mykid/sijil lahir berserta salinan asal kad pendaftaran OKU Jabatan Kebajikan Masyarakat," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Negara mewakili golongan OKU Senator Datuk Ras Adiba Radzi yang turut hadir pada majlis hari ini, berterima kasih kepada Loke atas kemudahan berkenaan yang memudahkan OKU bekerja dan ke sekolah.

"Sahabat OKU diseru supaya mengambil kesempatan ini dan tonjolkan kita sama seperti masyarakat yang lain," kata Ras Adiba yang juga Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) itu.

Sementara itu, KTMB dalam kenyataannya memaklumkan pelaksanaan pas percuma MyRailLife dijangka dapat mengurangkan kos pengangkutan kepada 500,000 pelajar sekolah dan OKU setahun yang menggunakan perkhidmatan KTM Komuter sektor Lembah Klang dan utara serta perkhidmatan Shuttle Timuran.

Menurut KTMB, lebih tren susulan penangguhan sementara perkhidmatan tren Skypark Link mulai semalam membolehkan penambahbaikan jadual waktu perkhidmatan KTMB sektor utara laluan Padang Besar ke Butterworth mulai 18 Feb (Sabtu ini) melalui peningkatan kekerapan perjalanan.

WARIS KANAK-KANAK INI DICARI

<https://www.dailyexpress.com.my/news/207704/waris-kanak-kanak-ini-dicari/>

Sumber : Daily Express



KUNAK: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di sini mencari waris seorang kanak-kanak lelaki berumur 3 tahun bernama Mohammad Ajmal (**gambar**).

Pegawai Pelindung - Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am di Kunak, Ku Yen Lee berkata, pihaknya memohon ihsan orang ramai yang mengenali atau mengetahui ibu bapa atau waris kepada kanak-kanak itu untuk tampil menghubungi Jabatan Kebajikan Kunak di 089-851208 atau 011-31626670.

Menurut Yen, hasil siasatan awal kanak-kanak itu pada mulanya ketika berusia tiga bulan telah diserahkan kepada sebuah ‘keluarga jagaan’ untuk sementara waktu dengan alasan ibu kandung kanak-kanak tersebut yang hanya dikenali sebagai Salha ingin pulang ke kampung di Tingkayu Kunak.

Kronologinya, kanak-kanak tersebut mulanya diserahkan oleh ibunya kepada sebuah keluarga jagaan di Kg. Sungai Atas yang mana ketika itu pada tahun 2020 semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

“Namun sehingga kini, ibu kandung kanak-kanak itu tidak dapat dihubungi dan keberadaannya juga gagal dikesan. Kanak-kanak itu kini berusia tiga tahun dan dijaga dengan baik oleh

'keluarga jagaan' yang ditinggalkan bersama," katanya.

Pencarian waris atau ibu kandung kanak-kanak itu dibuat mengikut Seksyen 15 Akta Kanak-kanak 2001.

KANAK-KANAK 2 TAHUN DITEMUKAN BERTENAGA WALAUPUN 23 JAM HILANG DI HUTAN

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936693/kanak-kanak-2-tahun-ditemukan-bertenaga-walaupun-23-jam-hilang-di-hutan>

Sumber : Harian Metro



Kuching: Kanak-kanak lelaki yang hilang di hutan berdekatan Kuari Batu Perigi di Sematan, Lundu, semalam ditemui selamat selepas kira-kira 23 jam kehilangannya dilaporkan.

Mangsa, Muhammad Rayyan Bujang Abdul Qayyum, 2, ditemui pada jam 10 pagi kira-kira dua kilometer dari pos kawalan bomba (PKB) oleh pasukan mencari dan menyelamat (SAR) dengan bantuan anjing pengesanan Unit K9 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Sarawak.

Penolong Pengarah Operasi JBPM Sarawak, Henderi Ardimansyah berkata, kanak-kanak itu ditemui di kawasan hutan berbatu di atas bukit bersebelahan rumah pekerja kuari.

Menurutnya, kanak-kanak itu ditemui dalam keadaan cergas meskipun sendirian selama kira-kira 23 jam.

"Mangsa tidak mengalami kecederaan, cuma calar-calar sedikit di beberapa bahagian badannya dipercayai terkena batu atau ranting.

"Keadaannya pun baik, malah kelihatan cergas walaupun hilang dalam tempoh agak lama tanpa makan dan minum," katanya.

Bomba menerima maklumat kehilangan kanak-kanak itu selepas menerima panggilan daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lundu pada jam 4.05 petang semalam.

Kanak-kanak itu disedari hilang ketika dia sedang bermain di luar pondok di belakang rumah pekerja kuari itu tengah hari semalam.

Ketika kejadian, mangsa dikatakan mengikut ibunya ke pondok itu kerana menunggu bapanya balik kerja.

Menyedari kehilangan kanak-kanak itu, ibu serta bapanya dengan bantuan beberapa pekerja berusaha mencarinya di sekitar kawasan kuari itu.

Selepas mereka gagal mencari mangsa, laporan dibuat di Balai Polis Lundu sebelum operasi SAR diaktifkan lapan anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lundu dengan bantuan polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta pekerja kuari.

Bagaimanapun, sehingga jam 5.50 petang semalam, mangsa masih gagal dikesan dan operasi SAR ditangguhkan.

Operasi yang disambung hari ini turut disertai anjing pengesan Unit K9 JBPM Sarawak bernama Daisy dan radius pencarian diperluas sehingga tiga kilometer keliling di kawasan hutan, kebun kelapa sawit serta dusun durian, sebelum kanak-kanak itu ditemukan selamat.

SENGSARA LIMA KELUARGA DAPAT PERHATIAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/245610/edisi/sengsara-lima-keluarga-dapat-perhatian>

Sumber : Sinar Harian

KOTA BHARU - Kesengsaraan lima keluarga mangsa kebakaran di Kampung Bunut Payong di sini mendapat perhatian pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bersedia membantu menyiapkan kediaman mereka.

Ketua Biro Kebajikan Persatuan Orang Kota Bharu (POKB) Nozlyhairani Suhana Mohamed berkata, NGO itu sudah berbincang dengan keluarga berkenaan.

Beliau memberitahu, bagaimanapun kediaman itu mungkin tidak dapat disiapkan dalam tempoh terdekat kerana ada beberapa perkara yang perlu diselesaikan termasuk pelan dan kontraktor.

"Kami dimaklumkan pihak NGO itu bahawa mereka sedang menyediakan barangan pembinaan dan keperluan lain supaya rumah dapat disiapkan dengan lancar," katanya.

Nozlyhairani Suhana memberitahu, ada ahli keluarga itu yang memerlukan peralatan kemahiran untuk mencari rezeki bagi meneruskan kehidupan dan memulakan simpanan.

"Sebenarnya ada yang memang menjahit dan bekerja dalam bidang kimpalan tetapi kesemua peralatan mereka hangus menyebabkan tiada sumber pendapatan," katanya pada Khamis.

Sementara itu, mangsa, Noriza Kadir, 51, mengakui lega selepas dimaklumkan ada NGO yang prihatin dengan nasib keluarga itu.

Menurutnya, harapan mereka sekeluarga untuk tinggal di rumah yang lebih selesa akan tercapai.

IBU BERKORBAN DERMA HATI DEMI ANAK

<https://www.sinarharian.com.my/article/245609/edisi/pahang/ibu-berkorban-derma-hati-demi-anak>

Sumber : Sinar Harian

KUANTAN - Seorang ibu bersedia untuk mendermakan sebahagian hati kepada anaknya, Bazly Yusuf Mohd Barkhia yang mengalami masalah hati sejak lahir.

Nur Marhaini Ismail, 31, sanggup berkorban demi memastikan Bazly, 3, dapat meneruskan hidup secara normal seperti kanak-kanak lain.

"Organ (hati) saya sesuai dengan Bazly dan pembedahan akan dilakukan bagi memindahkan sebahagian hati saya kepada Bazly.

"Pembedahan itu akan dilakukan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan kami akan ditahan selama sebulan untuk proses rawatan dan pemantauan terlebih dahulu," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Menurut Nur Marhaini, anak kedua daripada tiga beradik itu dilahirkan tanpa saluran hempedu selain mempunyai masalah hati dan memerlukan pembedahan segera berikutan fungsi organnya itu kini semakin merosot.

Katanya, sebelum ini, Bazly pernah menjalani pembedahan ketika masih bayi bagi memasukkan saluran hempedu sebelum ini.

LOVE SCAM: PENUNTUT WANITA PUTIH MATA HILANG RM50,000

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936846/love-scam-penuntut-wanita-putih-mata-hilang-rm50000>

Sumber : Harian Metro

Kota Kinabalu: Seorang penuntut wanita di sebuah universiti tempatan, di sini, kerugian hampir RM50,000 kerana diperdaya sindiket Love Scam selepas berkenalan dengan seorang lelaki menerusi aplikasi Telegram.

Kejadian bermula pada 5 Februari lalu, apabila mangsa berusia 19 tahun berkenalan dengan seorang lelaki melalui aplikasi berkenaan.

Pada awalnya mereka hanya berinteraksi dalam Telegram sebelum berhubung melalui aplikasi WhatsApp sehingga menjadi kawan rapat.

Selepas itu, lelaki terbabit meminta bantuan kewangan daripada mangsa dengan alasan untuk membeli Skin Hero Mobile Legend.

Atas dasar percaya, penuntut itu mengirimkan wang kepada lelaki terbabit secara berperingkat ke dalam lima akaun yang berbeza.

Mangsa berasa tertipu apabila lelaki terbabit tidak memulangkan kembali wang yang dipinjam malah masih meminta wang.

Menyedari ditipu, penuntut itu kemudian membuat laporan polis semalam.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Mohd Zaidi Abdullah ketika dihubungi mengesahkan kejadian berkenaan dan siasatan lanjut sedang dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Katanya, orang ramai dinasihatkan berhati-hati dengan kes penipuan scammer yang sudah banyak dihebahkan oleh Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain pihak serta laporan di media arus perdana.

"Jangan mudah percaya akan pujuk rayu daripada seseorang yang tidak pernah dikenali melalui media sosial," katanya.

Negeri Sembilan sedia beri komitmen terhadap dasar warga emas

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57495-negeri-sembilan-sedia-beri-komitmen-terhadap-dasar-warga-emas>

Sumber : Berita RTM

SEREMBAN, 16 Februari- Kerajaan Negeri Sembilan sedia memberi komitmen terhadap Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dalam pembangunan negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, usaha tersebut selaras dengan saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat seiring dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG3) dan menjadikan penempatan manusia sebagai inklusif, selamat, berdaya tahan serta lestari (SDG11).

"Sebanyak sembilan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) telah ditubuhkan di setiap daerah dengan keahlian seramai 1,076 warga emas.

"PAWE dapat membantu menyelaras kegiatan harian warga emas," katanya ketika berucap pada Majlis Majlis Penghargaan Pesara Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 di sini.

Tambahnya, agensi negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memastikan pembinaan bangunan dan infrastruktur awam sesuai dengan keperluan golongan pesara dan warga emas.

Misteri kehilangan lelaki OKU

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/misteri-kehilangan-lelaki-oku/>

Sumber : Utusan



MOHD. NASIR KARTO dilaporkan hilang selepas bersiar-siar di kawasan Kampung Parit Jarum Laut, Tangkak sejak 20 Januari lalu.

TANGKAK: Seorang lelaki warga emas dilaporkan hilang sejak 20 Januari lalu ketika bersiar-siar di Kampung Parit Jarum Laut, Bukit Gambir, dekat sini.

Mohd. Nasir Karto, 61, dikatakan keluar dari rumahnya pada pukul 8 pagi dan tidak pulang hingga hari ini.

Nurin Mansoor, 34, berkata, bapa saudaranya itu mengalami masalah mental sejak beberapa tahun lalu dan pemegang kad orang kurang upaya (OKU) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sejak 21 Disember 2012.

“Kebiasaannya setiap pagi dia hanya berjalan-jalan di sekitar kampung dan pulang pada waktu senja, namun kali ini hilang secara tiba-tiba,” katanya ketika ditemui, di sini hari ini.

Bapa saudaranya tinggal di rumah pusaka seorang diri, namun dia serta adik beradik yang lain kerap menziarahinya.

Pihaknya telah membuat laporan tentang kehilangan Mohd. Nasir di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Tangkak pada 21 Januari lalu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tangkak, Superintenden Mohd. Fadhil Minhat ketika dihubungi berkata, operasi mencari mangsa dijalankan bersama-sama waris dan penduduk kampung, namun hingga kini belum menemukan mangsa.

“Kali terakhir keluar dari rumah, warga emas berkenaan memakai baju kemeja berwarna hitam putih petak kecil dan berseluar panjang gelap,” katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan mangsa boleh menghubungi IPD Tangkak menerusi talian 06-9781222. – UTUSAN

Johor kaji kaedah terbaik realisasi hasrat bandar sifar gelandangan

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/02/1065049/johor-kaji-kaedah-terbaik-realisasi-hasrat-bandar-sifar-gelandangan>

Sumber : Berita Harian



JOHOR BAHRU: Kerajaan negeri akan mengkaji kaedah terbaik dalam usaha merealisasikan hasrat menjadikan bandar raya Johor Bahru sebagai bandar sifar gelandangan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor, Datuk Mohd Jafni Md Shukor, berkata bagi tujuan itu, mulai Mac ini, pasukan petugas akan mengumpul data mengenai latar belakang gelandangan di negeri itu.

Beliau berkata, langkah itu bagi mencari mekanisme jangka pendek dan jangka panjang bersesuaian untuk membasmi golongan berkenaan selain memastikan mereka tidak tercicir dalam arus pembangunan negara.

"Operasi bersepadu bagi menyelamatkan gelandangan akan dilaksanakan secara kerap selain menyantuni golongan itu supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan tidak kembali menjadi gelandangan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, inisiatif itu terletak di bawah penyelarasan bersama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri Khairin-Nisa Ismail @ Md On dan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri Ling Tian Soon.

Mohd Jafni berkata, inisiatif itu turut membabitkan kerjasama daripada pelbagai agensi termasuk Pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen.

Katanya, gelandangan dapat dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu penagih dadah, pesakit mental, pekerja yang tiada tempat tinggal dan penganggur yang tiada kediaman.

"Misalnya, baru-baru ini di Jalan Dhoby berdekatan dengan Masjid India di sini terdapat beberapa gelandangan yang tidur di kawasan itu pada waktu tengah hari dan apabila saya bertanya, ada dalam kalangan mereka memaklumkan datang dari luar Johor.

"Ada juga yang datang ke sini untuk mencari kerja dan tubuh mereka sihat, tetapi mereka tiada tempat untuk tidur dan terdapat juga yang dulunya bekerja di Singapura tetapi kini menjadi gelandangan di bandar raya ini," katanya.